



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Paipon.”

Pada 4 Oktober 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Puan Latifah binti Abd Jalil dan bacaan doa dibacakan oleh Encik Mohd Rozaili bin Mhd Rashid. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Encik Mohd Sofri bin Ibrahim, Pegawai Tadbir dari Pusat Kerjaya telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Paipon.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah alat yang dikenali sebagai paipon iaitu peralatan yang digunakan oleh penagih. Penagih akan menggunakan botol air yang dimasukkan air dan alat yang boleh terbakar dan diletakkan ganja yang dihancurkan. Alat ini akak terbakar dan mengeluarkan asap.

Alat yang berupa kotak juga boleh digunakan dengan memasukan ganja yang dihancurkan ke dalam tembakau yang akan digulungkan seperti rokok dan dihidu oleh penagih.

Kesimpulannya ibu bapa perlu memantau ahli keluarga supaya dijauhkan daripada perkara yang tidak sihat.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

